

29 JUN 2000

BCSDM-SIDANG/I

SIDANG KEBANGSAAN MENGENAI "MENJADIKAN KEMAPANAN PELUANG PERNIAGAAN"

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Satu persidangan kebangsaan dan pameran mengenai bagaimana mencapai keuntungan perniagaan dalam cara yang mapan daripada segi persekitaran akan diadakan di sini pada 6 Julai ini.

Acara itu, yang dianjurkan bersama oleh Majlis Perniagaan bagi Pembangunan Mapan di Malaysia (BCSDM) dengan Majlis Perdagangan Sedunia (WBC) bagi Pembangunan Mapan (WBCSD), akan dilancarkan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Law, yang juga penaung BCSDM, akan menyampaikan ucapan utama Perdana Menteri, kata BCSDM di dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Bertema "menjadikan Kemapanan Peluang Perniagaan", persidangan dan pameran sehari itu akan memaparkan persembahan daripada penceramah-penceramah antarabangsa dan tempatan.

Penceramah-penceramah penting pada persidangan itu akan termasuk pakar-pakar antarabangsa dalam bidang pembangunan mapan seperti pengarah WBC bagi Perhubungan Luar Claude Fussler, dan pengurus program WBC, Marcel Engel.

Penceramah-penceramah Malaysia akan termasuk Hajjah Rosnani Ibrahim yang akan mengetuai Jabatan Alam Sekitar (DOE), Haji Abu Bakar Che Man yang akan mengetuai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Perkejaan Kebangsaan dan Dr Johari Basri yang akan mengetuai Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan.

Penasihat khas kepada Perdana Menteri Tan Sri Razali Ismail, dijangka menyampaikan ucapan penutup.

-- BERNAMA

ZMY SA os